

Sekolah Integriti penyambung hayat banduan

21 NOV 2010



Oleh **AU YEONG HOW**
yeonghow@thestar.com.my


RAMAI beranggapan bahawa mana-mana pesalah jenayah khususnya juvana apabila disumbatkan ke penjara atau sekolah pemulihan akhlak, maka gelaplah masa depan mereka.

Tiada lagi destinasi untuk mereka tuju dalam masyarakat, malah mereka bakal disisihkan atau hidup merempat atau dilabel sebagai sampah negara ekoran jenayah yang mereka lakukan termasuk merogol, membunuh dan merompak.

Stigma sosial seperti itu sememangnya berlaku dalam masyarakat Malaysia sebelum ini.

Bagaimanapun situasi itu kini kian berubah, lebih-lebih lagi apabila Jabatan Penjara mengorak langkah membuka peluang kepada 'banduan-banduan bijak' meneruskan pelajaran mereka sehingga ke peringkat ijazah pertama bagi memastikan masa depan banduan terbabit lebih terjamin apabila dibebaskan kelak.

Jabatan itu memperkenalkan sistem pembelajaran dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan pusat pengajian tinggi tempatan bagi membolehkan pesalah-pesalah berkenaan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sehingga ke peringkat ijazah pertama



Latar Belakang Penubuhan Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney, Jabatan Penjara

■ 1950-an, program pendidikan untuk juvana dijalankan di Sekolah Henry Gurney (SHG) Telok Mas, Melaka.

■ Tenaga pengajar daripada Kementerian Pelajaran telah ditempatkan di SHG Telok Mas dan dibantu oleh pegawai-pegawai penjara.

■ 20 April 2008, Sekolah Integriti Kajang dirasmikan oleh Menteri Dalam Negeri ketika itu, Datuk Seri Syed Hamid Syed Jaafar Albar.

Sektor Akademik PPPS DG44 di Ibu Pejabat Penjara Malaysia manakala 99 guru (PPPS DG41).

■ Terdapat tiga SHG di negara ini iaitu, SHG Melaka untuk lelaki dan wanita, SHG Kota Kinabalu (wanita sahaja) dan SHG Keningau (lelaki sahaja) di Sabah.

■ Terdapat enam buah Sekolah Integriti di seluruh negara mengikut zon, iaitu Penjara Kajang di Sentral Semenanjung; Kluang (selatan); Marang, Terengganu (Timur); Sungai

Kebajikan dari segi pendidikan sentiasa dititikberatkan oleh kerajaan kepada semua penghuni penjara.

Pelajar-pelajar cemerlang penjara yang melanjutkan pelajaran ke IPTA/IPTS (2008 - 2009)

Intitut pengajian	Jumlah pelajar
Politeknik	16
IPTA/IPTS	
-Universiti Multimedia Melaka (MMU)	1
-Universiti Kuala Lumpur (UNIKL)	3
-UITM	1
Kolej komuniti	28

peringkat ganjar pertama
melibatkan 187 banduan berusia
antara 15 hingga 22 tahun.

Sekolah Integriti, Henry Gurney

Bagi pesalah juvana mereka akan mengikuti pembelajaran di Sekolah Integriti yang terletak di enam zon, iaitu Penjara Kajang di kawasan tengah; Kluang (selatan); Marang, Terengganu (timur); Sungai Petani, Kedah (utara); Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah (Malaysia Timur).

Sekolah-sekolah ini berfungsi sama seperti sekolah kebangsaan atau sekolah menengah kebangsaan di luar.

Ia mengguna pakai kurikulum dan sukatan pelajaran, tempoh pembelajaran dan guru-guru yang sama ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran dengan ditawarkan kelas-kelas seperti pemulihan 3M (membaca, menulis dan mengira), persediaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), PMR, persediaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan SPM berbanding sekolah biasa yang turut menawarkan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Pengarah Bahagian Pemulihan dan Rawatan Jabatan Penjara, Timbalan Komisioner Penjara Darussalam Budin, UPSR dan STPM tidak ditawarkan di sekolah dalam penjara kerana wujudnya kelas 3M dan kerjasama akademik dengan Universiti Terbuka Malaysia (OUM) dan Universiti Malaya (UM).

Tambahnya, buat masa ini tujuh

DARUSSALAM BUDIN

banduan berusia 22 tahun yang merupakan kumpulan pertama sedang mengikuti pengajian peringkat sarjana muda di Sekolah Integriti, Penjara Kajang.

Katanya, enam orang menuntut di bawah program kendalian OUM manakala seorang lagi mengikuti program Universiti Malaya (UM) dengan kos pengajian ditanggung oleh ibu bapa masing-masing.

“Bukan semua kursus ditawarkan kerana ia harus sesuai dengan keperluan dan tuntutan penjara. Antara kursus yang ditawarkan buat masa ini ialah Pengurusan Perniagaan dan Pengajian Islam.

“Pihak penjara akan menyediakan kemudahan sekiranya para pelajar melahirkan minat untuk melanjutkan pelajaran,” jelasnya.

Darussalam berkata, usaha penjara ini adalah selaras dengan falsafah “Pendidikan Untuk Semua” oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran.

Jabatan itu percaya peluang pembelajaran yang disediakan kepada mereka dengan ilmu, kemahiran dan sikap positif (ASK) banduan yang juga pelajar itu dapat kembali ke pangkuan masyarakat sebagai warganegara yang produktif dan berguna kepada bangsa, agama serta negara.

“Tetapi peluang ini dikesualikan

■ Mei 2008, Sektor Akademik, Bahagian Pemulihan dan Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia mula beroperasi dengan penempatan tiga orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS).

■ Jun 2008, sebanyak enam buah Sekolah Integriti telah diwujudkan mengikut zon di samping dua buah SHG yang sedia ada. PPPS atau guru-guru mula ditempatkan.

■ Sehingga hari ini, terdapat seorang Ketua Sektor Akademik PPPS DG48 dan Penolong Ketua

kepada banduan yang dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksama ataupun yang sedang menanti hukumannya gantung sampai mati,” jelasnya.

Pembelajaran di bawah satu bumbung

Setiap banduan yang didaftarkan masuk diwajibkan mengikuti sama ada bidang akademik, kemahiran atau vokasional.

Banduan baru dikehendaki menjalani 3M atau ujian diagnostik 3M terlebih dahulu.

Daripada hasil ujian 3M tersebut, mereka akan dibahagikan kepada segmen/ bahagian tertentu.

“Mereka yang dipinjarakan seumur hidup melainkan mendapat pengampunan daripada Yang di-Pertuan Agong, Sultan atau Raja masih dibenarkan belajar lagi.

“Banduan yang lemah dalam

Petani, Kedah (Utara); Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah (Malaysia Timur).

■ Kementerian Pelajaran bekerjasama dengan Jabatan Penjara dari segi penempatan guru-guru siswazah (PPPS DG41), skim pinjaman buku teks, yuran peperiksaan percuma, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, pemantauan dan khidmat nasihat, program peningkatan profesionalisme guru-guru, penglibatan pelajaran dalam aktiviti kokurikulum dan program-program pendidikan serta kokurikulum yang berkaitan.

bidang akademik akan diletakkan di bahagian kemahiran manakala yang sederhana dan cemerlang pula, diserapkan ke dalam bidang akademik dan vokasional,” jelas Darussalam.

Mereka kemudian akan mengikuti kurikulum dan tempoh pembelajaran dengan guru-guru yang serupa seperti sekolah biasa.

“Yang membezakan kedua-dua sekolah tersebut adalah Sekolah Integriti dijalankan di penjara. Malah, para pelajar menyertai acara tahunan seperti berpidato dan deklamasi sejak di Sungai Petani dan terlibat dalam aktiviti sukan dan olahraga di Johor,” katanya.

Tambah beliau, waktu persekolahan di Sekolah Integriti bermula lewat iaitu pada pukul 8 pagi kerana para pelajar perlu menjalani rutin penjara terlebih dahulu seperti pemeriksaan, kawad dan sebagainya.

Institut Latihan	
Perindustrian (ILP)	3

Sumber: Seksyen pendidikan, Bahagian Pemulihan Dan Rawatan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia.

GRAFIK MSTAR 2010

Bagaimanapun, masa persekolahan akan ditamatkan pada pukul 2 petang berbanding sekolah biasa yang tamat lebih awal.

“Lebih unik lagi, Sekolah Integriti menempatkan sekolah rendah, menengah dan universiti di bawah satu bumbung,” jelas beliau.

Proses jangka panjang

Proses pemulihan banduan juvana melalui pembelajaran adalah proses yang panjang.

Oleh kerana itu, banyak pembaharuan atau peningkatan perlu dilakukan dari semasa ke semasa, kata Darussalam.

“Kita berharap kejayaan dan pencapaian dalam bidang akademik oleh banduan tersebut diiktiraf oleh komuniti sama seperti pelajar normal. Selepas menjalani rehabilitasi di penjara, semoga mereka diberi peluang kedua untuk balik ke pangkal jalan,” katanya.

Mengenai perancangan pada masa depan, Darussalam berkata, pihak penjara memfokus kepada pembelajaran di dalam negara terlebih dahulu sebelum mempertimbangkan kerjasama dengan pusat pengajian luar negara.

> Lagi cerita di muka 4